

SKIM INSURAN KESIHATAN BERKELOMPOK
HSBC AMANAH TAKAFUL DAN ALLIANZ LIFE INSURANCE MALAYSIA BERHAD

1.0 PENDAHULUAN

- a) Universiti memperkenalkan skim ini sebagai Skim Pembiayaan Rawatan Hospital alternatif kepada kakitangan Universiti dan tanggungannya. Kakitangan diberi pilihan untuk memilih plan-plan yang telah ditawarkan oleh Universiti melalui kerjasama HSBC Amanah Takaful dan Syarikat Allianz Life Insurance Malaysia Berhad.
- a) Universiti juga telah bersetuju untuk mencarum sebanyak **RM296.80** setahun bagi setiap kakitangan untuk mencarum pelan minima di dalam skim tersebut. Potongan gaji akan dibuat kepada kakitangan yang memilih plan yang melebihi peruntukan yang diberikan.
- b) Kakitangan tidak diwajibkan untuk mencarum di dalam skim yang ditawarkan. Walau bagaimanapun bagi yang tidak mencarum, Universiti hanya akan menanggung kos rawatan untuk kakitangan bagi tujuan kemasukan di Hospital Kerajaan.

2.0 SYARAT MENYERTAI SKIM

Skim insuran kesihatan berkelompok ini ditawarkan kepada kakitangan Universiti Utara Malaysia yang berjawatan tetap, kontrak, sementara dan pelawat yang berusia dari 18 tahun hingga 64 tahun sahaja.

3.0 PILIHAN PLAN

Plan-plan yang ditawarkan kepada kakitangan bagi tujuan caruman adalah seperti di Lampiran I. Kakitangan bebas untuk memilih mana-mana plan yang ditawarkan mengikut kemampuan.

4.0 POTONGAN GAJI

Bagi kakitangan yang memilih Plan 2 dan Plan 3, potongan gaji bulanan akan dibuat setelah jumlah keseluruhan premium bulanan ditolak RM24.73 yang dibiayai oleh Universiti.

5.0 KAKITANGAN YANG TIDAK MENCARUM

Kakitangan yang tidak memilih sebarang plan akan dilindungi secara automatik dengan faedah perlindungan seperti di Plan 1. Kakitangan tersebut layak untuk mendapat rawatan di Hospital Swasta seperti senarai di Lampiran II. Walau bagaimanapun tanggungan kakitangan tidak layak untuk mendapatkan khidmat rawatan ini.

6.0 PERTUKARAN DAN PEMBERHENTIAN CARUMAN

Kakitangan yang memilih untuk mencarum di dalam skim ini tidak dibenarkan untuk bertukar atau berhenti daripada mencarum sehingga tempoh akhir skim ini dilaksanakan. Walau bagaimanapun kakitangan akan diberi peluang untuk menukar plan di akhir tempoh pelaksanaan skim ini.

7.0 PROSEDUR KEMASUKAN KE HOSPITAL SWASTA

7.1 Rujukan dari Klinik Panel

Di luar keadaan kecemasan, seseorang kakitangan itu perlu terlebih dahulu mendapatkan rawatan di klinik panel yang telah dilantik oleh Universiti. Dapatkan surat rujukan daripada doktor panel yang memperakukan seseorang kakitangan itu perlu mendapatkan rawatan di Hospital Swasta.

7.2 Kemasukan Ke Wad

- a) Semasa daftar kemasukan kakitangan ke Hospital Swasta yang berkenaan. Pihak hospital akan menghubungi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad bagi mendapatkan surat jaminan berdasarkan kad rujukan.

- c) Talian 24 jam Allianz Life Insurance Malaysia Berhad yang boleh dihubungi bagi mendapatkan surat jaminan adalah seperti berikut:

Talian hubungan: 03-79653889

Faks: 03-76608355 / 03-76608356

7.3 Rawatan Yang Dilindungi

a) Penginapan dan Bilik Hospital

Meliputi kos bilik penginapan mengikut plan yang telah ditetapkan mengikut pilihan kakitangan seperti berikut:

- i. Plan 1: bilik (RM90.00) dan skim perlindungan RM10,000.00 setahun bagi seorang
- ii. Plan 2: bilik (RM150.00) dan skim perlindungan RM20,000.00 setahun bagi seorang
- iii. Plan 3: bilik (RM250.00) dan skim perlindungan RM30,000.00 setahun bagi seorang

Tempoh maksimum kemasukan ke hospital bagi setiap kemasukan yang dilindungi ialah 150 hari.

b) Unit Rawatan Rapi

Melindungi kos pesakit yang dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi. Tempoh maksimum yang dilindungi ialah 20 hari bagi setiap kemasukan